

17/06/2003

Dr Mahathir bimbang Asia Barat terus bergolak

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan mengenai keadaan di Asia Barat yang belum reda dengan konflik dan menjangka ia terus tidak stabil dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Malah, Perdana Menteri berkata, Pelan Damai Asia Barat belum menghasilkan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pihak, terutama mereka yang ditindas.

Malangnya, keadaan menjadi lebih kusut berikutan serangan ke atas Iraq baru-baru ini yang tidak membantu ke arah mencapai kemajuan dalam proses damai di rantau yang kaya dengan simpanan minyak dunia itu.

"Secara teknikalnya, perang di Iraq mungkin sudah berakhir, namun perang

menangani keganasan masih jauh daripada menjadi semakin baik menerusi kemenangan pasukan bersekutu.

"Malah, seluruh dunia hidup dalam ketakutan, takut untuk melancong dan sekali-sekala wujud tindakan mengisytiharkan amaran terhadap ancaman serangan pengganas," katanya dalam ucap tama pada Persidangan Tahunan Kelapan mengenai Minyak dan Gas Asia, anjuran Petronas, di sini semalam.

Teks ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan tidak menentu dan ketegangan yang melampau di seluruh dunia, sektor perdagangan menghadapi masalah manakala

perdagangan minyak, perniagaan yang menjana semua ekonomi dunia, lebih teruk terjejas.

Katanya, tindakan ketenteraan dan kuasa ekonomi tidak akan membawa kestabilan dan keyakinan yang diperlukan oleh ekonomi dunia untuk pulih dan makmur.

"Keganasan tidak boleh diperangi menerusi tindakan awalan ketenteraan. Malah, tangkapan awal dan penahanan tidak akan mengakhirinya. Ini kerana dunia sebenarnya tidak dapat mengenal pasti pengganas dan mereka yang bakal menjadi pengganas.

"Semua serangan ketenteraan yang dilakukan hanya untuk menakutkan negara kecil dan mewujudkan ketegangan yang tidak perlu nyata menjejaskan pemulihan ekonomi dunia.

"Pengganas tidak takut. Cara untuk memerangi keganasan adalah untuk mencari punca dan menanganinya. Malaysia bercakap berdasarkan pengalaman dalam isu ini," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, Malaysia yakin dengan keamanan dan penyelesaian masalah, pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa, menerusi rundingan tetapi menolak kaedah menguji kekuatan bagi menentukan

"pemenang yang akan mengambil semua harta rampasan".

"Kami yakin dengan dasar memakmurkan jiran-jiran kami (tetapi) bukan untuk menjadikan mereka lebih miskin. Ia adalah dasar yang berasaskan kepada pengalaman kami," katanya.

Perdana Menteri berkata hasil daripada dasar itu, Malaysia berkembang maju dan makmur dan kini menjadi pasaran yang baik untuk negara yang melabur di sini.

Beliau berkata negara yang tidak makmur tidak dapat melabur di Malaysia dan menyediakan peluang pasaran yang baik kepada produk-produk Malaysia.

"Hanya negara makmur saja boleh menjayakannya. Itu sebab kami mahu jiran-jiran kami makmur dan kami bersedia membantu mereka untuk menjadi makmur," katanya.

Dr Mahathir berkata jika Malaysia sebuah negara yang hebat dan berkuasa, ia akan mengeksport "cinta kita untuk keamanan dan dasar memakmurkan jiran" kepada dunia.

"Tetapi kita bukan negara kuasa besar. Kita bukan saja tidak dapat mengeksport falsafah kita yang sudah memberi banyak manfaat, malah pandangan kita tidak dapat diterima."